



KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (12 JULAI 2023) - Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak sekali lagi ingin menegaskan pendiriannya seperti yang dinyatakan di dalam kenyataan sebelum ini berhubung dengan penyahsenaraian nikotin daripada Akta Racun 1952 [Akta 366].

Kesan berbangkit daripada penyahsenaraian ini sangat jelas. Kanak-kanak dan golongan belia akan mendapat akses yang tidak terbatas kepada nikotin yang seterusnya akan meningkatkan jumlah ketagihan kepada produk berasaskan nikotin dalam kalangan belia secara mendadak. Situasi hanya akan menjadi lebih buruk apabila mereka juga berkemungkinan terdedah kepada bahan terlarang atau nikotin yang kuat ketika menggunakan produk berkenaan.

Langkah perubahan dasar yang membahayakan kesihatan dan memperdagangkan kesejahteraan kanak-kanak serta golongan belia demi peningkatan hasil cukai ini adalah satu langkah yang tidak bijak. Selain itu, pendekatan hak asasi kanak-kanak dalam penggubalan dasar juga kurang diberikan penekanan. Perkara ini sepatutnya diberi perhatian yang lebih khususnya dalam konteks kawalan bahan terkawal. Pemahaman saintifik tentang bahaya yang dikaitkan dengan nikotin haruslah dikaji dengan teliti dan disebarkan kepada khalayak yang lebih luas khususnya kepada kanak-kanak.

Sebagai jurucakap yang mewakili kanak-kanak bagi perkara yang memberikan kesan kepada mereka, Pesuruhjaya Kanak-kanak (CC) ingin menggesa supaya kerajaan menjalankan kewajibannya dalam memperbaiki keadaan ini dengan menyenaraikan semula nikotin ke senarai berjadual dalam Akta 366. Kanak-kanak di Malaysia mempunyai hak yang sama dengan seluruh lapisan masyarakat khususnya melibatkan perlindungan kepada kesihatan mereka.

-TAMAT-

**Dr Farah Nini Dusuki
Pesuruhjaya Kanak-Kanak
12 Julai 2023**